

NO SOALAN :54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.10.2017

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah hasil perolehan dan nisbah antara hasil tambang dengan hasil bukan tambang (pengiklanan, parkir, sewaan ruang, hartanah dan sebagainya) bagi MRT, LRT, Monorel, ERL serta KTM; dan
- (b) strategi meneroka dan memaksimumkan potensi sumber-sumber hasil bukan tambang supaya kadar tambang boleh diturunkan demi manfaat rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ringkasan nisbah antara hasil

tambang dengan hasil bukan tambang bagi perkhidmatan MRT Laluan Satu, LRT, Monorel dan KTMB adalah seperti berikut:

Jenis Perkhidmatan	Hasil Tambang RM'Juta	Hasil Bukan Tambang RM'Juta	Jumlah Hasil RM'Juta	Nisbah Peratusan %
MRT * sehingga Jun 2017	4.2	15.0	19.2	22 : 78
LRT & Monorel *sehingga Jun 2017	161.4	22.3	183.7	88 : 12
KTMB *sehingga Sept. 2017	390.8	37.7	428.5	91 : 9

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Prasarana Malaysia Sdn Bhd (Prasarana) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merupakan milik penuh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD) manakala perkhidmatan ERL dikendalikan oleh syarikat swasta.

Bagi memastikan syarikat-syarikat rel milik penuh Kerajaan seperti MRT Corp., Prasarana dan KTMB meningkatkan hasil bukan tambang, beberapa inisiatif telah dirancang dan sedang dilaksanakan. Di antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah mengoptimumkan kawasan stesen dan aset milik syarikat untuk tujuan pengiklanan, menyediakan ruang parkir, sewaan ruang bagi tujuan komersil dan

pembangunan hartanah berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) di kawasan-kawasan stesen LRT, MRT dan KTM yang bersesuaian dan strategik.

Syarikat Prasarana sebagai contoh telah mengenalpasti berapa kawasan yang mempunyai potensi seperti di Dang Wangi, Damansara dan Puchong Jaya untuk projek TOD dengan anggaran pulangan Nilai Pembangunan Kasar atau *Gross Development Value* (GDV) berjumlah RM8.4 bilion.

Sementara itu, MRT Corp. pula secara aktif meneroka aktiviti hasil bukan tambang yang baru seperti pembangunan TOD, perkhidmatan telekomunikasi, pengembangan perniagaan (*retail*) dan potensi aplikasi digital di samping bekerjasama dengan rakan-rakan niaga untuk mempelbagaikan lagi sumber pendapatan. Aktiviti hasil bukan tambang yang lain termasuk pengiklanan, hak penamaan stesen (*station naming rights*), sewa untuk tempat acara di dalam stesen dan tren, dan juga pembangunan hartanah.

Manakala, bagi KTMB pula, kajian sedang dijalankan bagi pembangunan TOD di stesen-stesen yang mempunyai potensi dan strategik untuk meningkatkan hasil syarikat seperti di stesen Bangi,

Shah Alam dan Klang.